

Mana budaya politik kampung?

Dr Mahathir tidak perlu dicabar

PILIHANRAYA Umno pada 24 April ini adalah sesuatu yang luar biasa dan paling bersejarah dalam sejarah parti yang berusia lebih 40 tahun itu. Ini timbul kerana adanya ura-ura pihak tertentu untuk bertanding merebut jawatan Presiden parti.

Kemunculan individu-individu dengan sokongan kumpulan-kumpulan tertentu telah mula menyeleweng daripada tradisi budaya politik Umno yang sering dilaungkan sebagai "budaya politik kampung yang tidak menderhaka kepada pucuk pimpinan". Malah golongan-golongan ini mula mempersoalkan kewibawaan dan kejujuran pucuk pimpinan tertinggi Umno. Mereka dengan lantang mendedahkan pelbagai isu yang dianggap 'penyelewengan' oleh pemimpin dan menuduh pemimpin hari ini mengamalkan pemerintahan yang bersifat diktator, penindasan dan rasuah. Bahkan mereka juga berani mengaitkan keadaan kemelesetan ekonomi negara, pengangguran yang tinggi dan masalah sosial lain sebagai kesan kegagalan dan penyelewengan Presiden Umno yang merangkap Perdana Menteri.

Pertandingan untuk merebut jawatan Presiden ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang positif dan negatif. Ia positif jika dilihat daripada sudut pertandingan yang sihat demi menghasilkan pemimpin yang terbaik. Kita amat maklum, pertandingan yang sihat adalah satu keperluan yang memberi peluang kepada kita untuk memilih

calon yang terbaik. Bagaimanapun, keadaan ini dalam realitinya tidak wujud. Pertandingan yang sihat adalah suatu mitos belaka, kerana adanya banyak 'ruang' bagi seseorang untuk memanipulasi sesuatu keadaan dan pengundi. Ini amat jelas kepada mereka yang bersikap 'oportunist'.

Bagaimanapun, saya berpendapat perebutan jawatan Presiden Umno ini adalah sesuatu yang lebih banyak memberi kesan negatif. Ini kerana keadaan ini akan mewujudkan perpecahan di kalangan orang-orang Melayu yang sememangnya mempunyai ciri-ciri perpecahan secara lebih luas. Perpecahan sebegini amat buruk akibatnya. Keadaan perpecahan di kalangan orang Melayu secara khususnya dan rakyat Malaysia amnya adalah sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh pihak-pihak yang antinasional dan antiagama. Pihak Zionis Yahudi dan golongan pro-Komunis sentiasa ternanti-nanti akan perpecahan orang Melayu dan Islam yang menjadi tulang belakang kekuatan negara ini. Apakah kita mahu keadaan ini berlaku?

Pertandingan merebut jawatan Presiden adalah sesuatu yang tidak perlu buat masa kini, atas beberapa alasan. Pertama, kita dapati pimpinan hari ini telah jelas menjalankan dasar 'tradisi membela rakyat' dengan baik. Ini jelas daripada pelbagai rancangan, dasar dan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan, dan sokongan majoriti rakyat dalam pilihanraya umum 1986 terhadap kerajaan Barisan Nasional pimpinan Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad. Malahan dengan kehadiran beliau sebagai Presiden Umno

dan merangkap Perdana Menteri, imej Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan bermaruah dikenali ramai di peringkat antarabangsa. Di sini letaknya kewibawaan Datuk Seri Dr Mahatir sebagai seorang pemimpin yang berjiwa besar dan sanggup berkorban demi bangsa, agama dan negara.

Alasan yang kedua ialah, apakah jaminannya pihak yang mencabar kedudukan Presiden parti itu tidak menyeleweng dan mengamalkan politik kotor? Umum mengetahui golongan yang mencabar itu adalah dari ahli-ahli Kabinet pada masa dahulu dan kini. Ketika itu mereka menjadi golongan 'yes man'. Sebaliknya sekarang mereka menghentam dasar-dasar dan projek-projek kerajaan sebagai sesuatu yang merugikan dan menyeleweng. Mengapakah mereka tidak bersuara sedemikian ketika dalam Kabinet. Misalnya, terhadap projek kereta nasional, Jambatan Pulau Pinang dan Dayabumi?

Pada hemat saya, jika sekiranya seseorang pemimpin itu benar-benar berjiwa rakyat dan mahu menegakkan keadilan sudah tentunya beliau akan menyuarakan ketidakpuasannya dan kelemahan sesuatu dasar secara terbuka tanpa mengira kepentingan diri. Oleh itu terbukti kumpulan-kumpulan penentang Presiden parti ini adalah golongan yang kecewa.

Oleh itu gunakanlah hak mengundi dalam ertikata sebagai satu amanah seluruh rakyat Melayu secara khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya. Undilah secara rasional dan jangan bersifat emosional demi kepentingan rakyat.

**V.J. ROTU,
TIKM**